

PERUTUSAN DARIPADA PERDANA MENTERI
KEPADA PERSIDANGAN ODIT PADA 6HB OGOS,
1972

Saya dukacita kerana tidak dapat bersama-sama pada pembukaan Persidangan Kesembilan Jabatan Odit ini. Walau bagaimanapun, saya sukacita dapat kesempatan untuk menyampaikan pentusan kepada saudara-saudara sekalian sempena Persidangan yang penting ini.

Seperti dimaklum, dalam negara demokrasi seperti negara kita, wang awam mustahak dipertanggungjawabkan kerana orang ramai patut tahu bagaimana wang itu dibelanjakan. Oleh itu, Kerajaan memerlukan pemerhati yang tidak menyebelah kemana-mana pihak serta mempunyai hak melapurkan hasil-hasil penyiasatan mereka kepada pucuk pimpinan negara. Hal ini ada termaktub dalam Perlembagaan Negara dan Akta Odit yang mewajibkan Juru Odit Negara melapurkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja. Lapuran-lapuran ini akan dibentangkan dalam Dewan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri masing-masing. Kita yakin hakikat ini adalah penting untuk mendapatkan penilaian yang bebas dan tidak condong ke mana-mana pihak tentang kecekapan dan kejujuran ajensi-ajensi Kerajaan dalam menguruskan wang orang ramai.

Peranan Odit biasa dalam ekonomi negara yang sedang berkembang tentulah tidak sesuai dengan kehendak-kehendak hari ini. Tugas Odit bukanlah semata-mata tujuan mengelakkan berlakunya salah-peraturan dalam penggunaan wang awam, tetapi patutlah meluaskan peranannya menilai cost-effectiveness rancangan-rancangan Kerajaan dalam mencapai matlamat-matlamatnya. Pembaharuan yang dibuat dalam menyedia dan mengemukakan belanjawan dan dalam sistem accounting dengan sendirinya menghendaki perubahan-perubahan dasar mengenai tugas dan peranan Odit.

Oleh yang demikian, Juruodit tidaklah harus dianggap sebagai mengganggu pengurusan hari-hari tetapi sebaliknya membantu kerja-kerja pengurusan. Dengan berkembang dan bertambah complex birokrasi Kerajaan, maka sudah tentu pemeriksaan dan nasihat

yang bebas semakin diperlukan, lebih-lebih lagi untuk meninggikan kecekapan. Pendeknya, Odit hendaklah diterima oleh pihak pentadbir sebagai pendapat kedua dalam pengurusan.

Di masa akhir-akhir ini Kerajaan telah menubuhkan banyak badan-badan berkanun, pada peringkat Negeri dan Persekutuan bagi menampung kehendak-kehendak yang kian bertambah dalam ekonomi negara. Oleh kerana Kerajaan Persekutuan dan Negeri membelanjakan wang begitu banyak dalam kegiatan badan-badan berkanun ini, maka wajiblah wang ini dipertanggungjawabkan kepada Parlimen dan Dewan-Dewan Undangan Negeri atas wang awam itu. Kebanyakan daripada badan-badan ini diudit oleh Juru Odit Negara, tetapi ada juga yang tidak. Maka itu amatlah mustahak disemak kaji kecekapan kegiatan dan usaha-usaha Sektor Awam setiap masa. Andaikata Juru Odit Negara tidak dilantik sebagai Juru Odit badan tersebut, maka bolehlah dibuat pertimbangan, seperti yang dilakukan oleh setengah-tengah negara Commonwealth untuk membuat peruntukan dalam undang-undang yang membolehkan joint audit dengan firma-firma swasta, atau pun menyalurkan semua laporan odit daripada Juru-juru Odit swasta itu melalui Juru Odit Negara yang berkuasa membuat ulasannya kepada Parlimen dan Dewan Undangan Negeri mengenai akaun badan-badan tersebut.

Adalah satu langkah yang tepat meletakkan semua agensi yang menerima biaya Kerajaan supaya tertakluk kepada pengoditan Kerajaan. Tetapi badan ini patutlah mempunyai kakitangan yang sempurna bukan saja bilangannya tetapi yang lebih penting lagi, ialah kakitangan yang memiliki pengetahuan dan kemahiran ikhtisas. Pertimbangan mestilah diberi bagi mengambil pegawai-pegawai professional seperti Pakar Undang-undang, Pengator-Cara dan Jurukur Kuantiti supaya Jabatan Odit menjadi sebagai badan yang benar-benar dinamis dan berkesan. Dalam keadaan tertentu, pakar-pakar dalam lapangan lain juga boleh diambil secara "ad hoc"—Pegawai-pegawai Odit perlu mendapat latihan dalam lapangan-lapangan yang khusus, di dalam dan di luar negeri, bahkan yang lebih penting lagi untuk mengekalkan pegawai-pegawai yang berkemahiran serta meningkatkan professionalism, organisasinya mestilah wujud sebagai satu jabatan yang tertutup pada semua peringkat

Dalam menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan, Kerajaan hendaklah berjalan sama seperti badan-badan perniagaan yang besar dengan sistem akaun yang teratur, pengawalan yang baik dan oditan dalam yang cukup. Perhatian hendaklah diberikan pada semua peringkat pengurusan dan mengambil tindakan segera atas kritik-kritik dan cadangan-cadangan odit supaya mengelakkan kelemahan pentadbiran. Kerajaan berazam hendak menjayakan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunannya dan sikap "tidak apa" dipihak mana-mana agensi Kerajaan tidak akan dimaafkan. Juru Odit Negara boleh memainkan peranan yang aktif dalam framework ini dengan menarik perhatian Kerajaan kepada kejadian itu di mana berlaku. Tidak dapat dinafikan bahawa tanggungjawab dan beban kerja Jabatan Odit telah bertambah dengan banyaknya sejak merdeka, tetapi pengawasan Jabatan ini atas wang awam mestilah sentiasa dipertahankan. Oleh sebab itu, adalah mustahak Jabatan ini mendapatkan tenaga pegawai dan peruntukan yang wajar untuk memastikan bahawa odit mempunyai kecekapan yang paling tinggi.

Saya mendapat tahu, Persidangan ini diadakan dari semasa ke semasa untuk membincangkan masalah-masalah pejabat dan menimbang idea-idea baru dilapangan akaun dan odit. Adalah mustahak menentukan supaya setiap matlamat itu dicapai dengan sepenuhnya. Walau pun Jabatan Odit tidak begitu diketahui oleh orang ramai, namun sumbangannya kepada pentadbiran sangatlah penting. Hakikat bahawa setiap langkah perjalanan pentadbiran akan diteliti oleh Juru-juru Odit yang berpengalaman dengan sendirinya mencegah berlakunya kecuaiian atau penipuan, perbuatan membelanjakan wang berlebih-lebihan daripada yang dibenarkan dan menyalahgunakan kuasa. Tetapi hingga hari ini masih ada Jabatan-jabatan yang tidak memandang berat sedikit pun tentang kelemahan-kelemahan mereka dalam accounting system, pengawalan dan pentadbiran yang dibawa kepada pengetahuan mereka dalam Pemerhatian dan Laporan Odit. Penipuan boleh berlaku disebabkan pengawalan dan pengawasan kakitangan bawahan tidak dijalankan dengan sempurna oleh pegawai-pegawai kanan. Kecuali kalau langkah-langkah positif diambil bagi mengatasi hal ini dengan segera, bolehlah dianggap sebagai satu kecuaiian dalam menjalankan tugas.

Saya berharap semoga perbincangan saudara-saudara selama tiga hari ini akan membawa hasil-hasil yang bermunafaat kepada Jabatan Odit dan Negara, Juru Odit hari ini tidak lagi bertindak sebagai Polis yang semata-mata menjalankan undang-undang mengikut kebiasaan, walau pun mereka faham bahawa undang-undang hendaklah dipatuhi. Peranannya tidaklah terbatas kepada mengkritik semata-mata, walau pun critical acumen ini patut dikekalkan. Tegasnya, Juru Odit adalah seorang pemerhati yang adil dan mempunyai wibawa (authority) disamping menjadi alat yang berguna kepada pentadbiran negara yang jujur dan demokratik.

Saya mengucapkan selamat bersidang!